



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**26 MAC 2021 (JUMAAT)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**26 MAC 2021 (JUMAAT)**

KPDNHEP Kedah rampas 592 pakaian termasuk baju tiruan skuad Harimau Malaya

## Jual jersi bola sepak serendah RM10

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**JITRA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah membongkar modus operandi sebuah premis perniagaan di kawasan Perindustrian Bandar Darulaman di sini yang menjual pelbagai jersi tiruan termasuk edisi skuad Harimau Malaya pada harga serendah RM10 sehelai.

Serbuan kira-kira pukul 11 pagi oleh enam peguatu kuasa dari Cawangan Kubang Pasu itu telah menemui 592 helai baju termasuk jersi Harimau Malaya dan kelab-kelab bola sepak luar negara.

Ketua Pegawai Penguat Kuasanya, Mohd. Shahran Mohd. Arshad berkata, serbuan dibuat selepas pasukannya melakukan risikan selama kira-kira dua minggu.

Katanya, pemeriksaan menemui 510 helai jersi dan 82 helai seluar berjenama terkenal seperti Adidas, Puma dan Nike yang disyaki tiruan.



MOHD. SHAHRAN (tengah) bersama penguatan kuasa KPDNHEP Cawangan Kubang Pasu menunjukkan sebahagian pakaian sukan tiruan yang dirampas pada sidang akhbar di Pejabat KPDNHEP Kubang Pasu semalam.

"Kesemua pakaian sukan yang dianggarkan bernilai RM12,660 itu dirampas dan kita turut menahan seorang pekerja premis iaitu seorang lelaki berusia 29 tahun untuk siasatan lanjut."

katanya pada sidang akhbar di Pejabat KPDNHEP Cawangan Kubang Pasu di sini semalam.

Kata bellau, siasatan mendapati premis tersebut telah menjalankan perniagaan menjual pa-

kaian termasuk jersi dan seluar berjenama terkenal yang diperlukan diperoleh dari negara jiran sejak setahun lalu.

"Pakaian sukan yang diperlukan gred A ini dijual pada harga

antara RM10 hingga RM35 se-helai," ujarnya.

Mohd. Shahran berkata, pihaknya sedang mengesep pemilik premis tersebut dan kes disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019 atas kesalahan mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan barang-barang yang cap dagangannya dipakai dengan salah untuk tujuan perdagangan.

"Kesalahan itu memperuntukan hukuman denda sehingga RM10,000 bagi setiap barang yang dipakai dengan salah cap dagangan berdaftar atau penjarai maksimum tiga tahun atau kedua-duanya bagi individu.

"Bagi pertubuhan perbadanan pula, mereka boleh didenda sehingga RM15,000 bagi setiap barang berkenaan, jika sabit kesalahan," jelasnya.

Beliau turut menasihatkan peniaga supaya mematuhi etika dan peraturan mengikut undang-undang ditetapkan dengan tidak menjual pakaian yang menggunakan cap dagangan tiruan.



MOHD Shahran (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian jersi tiruan yang dirampas pada sidang media di pejabat KPDNHEP Kubang Pasu, semalam.

## Pakaian jenama tiruan bernilai RM12,660 dirampas

**Kubang Pasu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 510 helai jersi dan 82 helai seluar jenama tiruan bernilai RM12,660 di sebuah premis perniagaan di Kawasan Perindustrian Bandar Darul Aman di sini, kelmarin.

Ia dijalankan jam 11 pagi oleh enam penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Kubang Pasu.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kedah Mohd Shahran Mohd Arshad berkata, pihaknya melakukan risikan selama dua minggu sebelum menyerbu premis itu.

"Kami menemui pakaian berjenama terkenal tiruan termasuk jersi skuad Harimau Malaya dan kelab bola sepak luar negara.

"Seorang lelaki berusia 29 tahun yang juga pekerja di premis itu ditahan bagi membantu siasatan," katanya pada sidang media di pejabat KPDNHEP Cawangan Kubang Pasu, sema-



*Kami menemui pakaian berjenama terkenal tiruan termasuk jersi skuad Harimau Malaya dan kelab bola sepak luar negara"*

**Mohd Shahran Mohd Arshad**

lam.

Mohd Shahran berkata, premis itu beroperasi sejak tahun lalu dan jersi serta seluar tiruan itu dijual pada harga RM10 hingga RM30.

Katanya, bekalan jersi dan seluar itu diperoleh dari negara jiran.

"Rampasan ini adalah yang terbesar pada tahun ini di Kubang Pasu. Kita akan panggil wakil pemilik cap dagangan ini untuk membantu siasatan.

"Kami juga masih mengesan dalangnya dan kes disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019," katanya.

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 26/3/2021  
M/SURAT : 15

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam <b>RM5.99</b>	• Telur Gred A <b>RM7.99</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM12.70</b>
	• Daging Lembu Tempatan <b>RM35</b>	• Ikan Kembung <b>RM6.50</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.69</b>	• Kubis Bulat Tempatan <b>RM3.80</b>
	• Daging Lembu Import <b>RM26</b>	• Minyak Masak <b>RM5.35</b>	• Bawang Putih <b>RM4.80</b>	• Tepung Gandum <b>RM2.15</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP